

## Wong Tyan Tzu Terima Anugerah Khas MAHEPA

Published: Wednesday, 10 June 2015 15:15 | [Print](#) | Hits: 1247

Tweet

[Share](#)

G+ Share

0



**RABU, 10 JUN** - Pelajar Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Wong Tyan Tzu menerima Anugerah Khas bagi kategori Individu sempena Majlis Anugerah Hal Ehwal Pelajar (MAHEPA) kali ke-17 baru-baru ini.

Tyan Tzu yang kini berada dalam tahun akhir pengajian berkata, penganugerahan tersebut merupakan satu kejayaan buat dirinya yang telah banyak melibatkan diri dalam pengajian program kemahasiswaan.

“Saya anggap ini suatu penghargaan yang tidak ternilai

buat diri saya...meskipun anugerah ini jarang dimiliki orang lain namun ia bukanlah penyebab untuk saya merasa diri saya hebat daripada orang lain, tapi saya merasa berterima kasih kerana usaha selama ini dihargai universiti,” katanya ketika ditemui selepas majlis.

Tyan Tzu menerima hadiah berupa wang tunai RM500, sebuah trofi dan sijil yang disampaikan Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah.

Anugerah tersebut diberikan berdasarkan pencapaian beliau terpilih menjadi salah seorang daripada 20 pelajar dalam Program Mobiliti Malaysia-Mexico anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan kerajaan Mexico pada Januari lalu.

Program tersebut membawa beliau sebagai duta UMS membuat lawatan sosial budaya ke negara ketiga terbesar di Amerika Latin itu.—ZMD

Bahagian Media dan Citra

Foto: Musaab Umair, Bahagian Perhubungan Korporat